

# Kerajaan mahu perkenal TVET di sekolah tahfiz: PM

Bentuk Harian  
Khamis, 28 Sept 2017

## ► Pelan induk komprehensif lonjak latihan teknikal, vokasional

Oleh **Rafidah Mat Ruzki**  
fidahruzki@bh.com.my

► **Shah Alam**

**K**erajaan berhasrat untuk memperkenalkan Latihan Teknikal serta Vokasional + (TVET) kepada sekolah tahfiz. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia bagi membolehkan pelajar tahfiz turut mempunyai kemahiran lain selain menghafaz al-Quran.

“Kerajaan juga bercadang nak perkenal TVET kepada pelajar tahfiz sebagai tambahan kebolehan mereka.

“Selain menghafal al-Quran mereka akan mempunyai kemahiran dalam TVET,” katanya ketika melancarkan TVET Malaysia di Pusat Latihan Tinggi (ADTEC), di sini, semalam.

TVET Malaysia adalah penjenamaan semula Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dalam usaha bagi memantapkan kolaborasi antara semua pihak berkepentingan

dalam bidang teknikal dan vokasional di semua peringkat. Pada majlis itu, Perdana Menteri mengumumkan beberapa inisiatif bagi melonjakkan latihan teknikal dan vokasional di negara ini. Najib berkata, inisiatif itu termasuk untuk membangunkan satu pelan induk yang komprehensif atau TVET ‘Masterplan, yang diselaraskan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan dibantu oleh enam lagi kementerian berkaitan dengan TVET.

**Dana RM50 juta**  
Katanya, bagi inisiatif kedua, kerajaan akan memperuntukkan dana RM50 juta daripada 30 peratus dana terikumpul Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi tujuan TVET.

“Untuk makluman semua, Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau PSMB telah memperuntukan 30 peratus daripada levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia sebagai dana terikumpul atau pool fund.

Pada masa sama, katanya, kerajaan juga akan mengkaji semula kadar dan caj berkaitan pemfalian harta intelek serta insentif yang sesuai bagi menggalakkan lebih banyak inovasi dihasilkan, terutama melalui institusi TVET.

Terdahulu, Najib berkata, modal insan yang berkemahiran ting-



[FOTO BERNAMA]

**Najib menerima poster daripada pelajar pada majlis pelancaran TVET Malaysia di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam, semalam.**

“Ia bagi melaksanakan program strategik sebagai satu usaha untuk menyokong pencapaian matlamat nasional dalam meningkatkan taraf peratusan pekerja mahir di Malaysia.

“Sejajar dengan aspirasi dan visi Transformasi Nasional 2050 atau TN50, tumpuan khusus akan diberikan kepada Industri 4.0, dalam usaha mewujudkan tenaga buruh yang berdaya saing pada peringkat global,” katanya.

Najib berkata, bagi menyokong Revolusi Industri 4.0, kerjasama juga diadakan dengan Pusat Pembangunan Kemahiran, politeknik, universiti dan Pertubuhan Majikan, membabitkan jumlah peruntukan RM75 juta.

Pada masa sama, katanya, kerajaan juga akan mengkaji semula kadar dan caj berkaitan pemfalian harta intelek serta insentif yang sesuai bagi menggalakkan lebih banyak inovasi dihasilkan, terutama melalui institusi TVET.

“Melalui program pendidikan dan latihan dilaksanakan di institusi TVET, kerajaan berharap untuk melatih 300,000 rakyat Malaysia daripada golongan B40 dari tempoh

sekarang sehingga 2025.

“Kedua, memperkukuh dan memperbaiki kerjasama strategik Public-Private Partnership atau antara TVET Awam serta pihak industri, bagi membentuk sinergi, terutama dalam membangunkan tenaga kerja berkemahiran.

“Ketiga, bagi lulusan bidang TVET, peluang kerjaya sebenarnya tidak hanya terhad untuk bekerja dalam industri, malahan, lulusan TVET juga boleh mencuebi bidang perniagaan, khususnya teknopreneurship atau menjadi usahawan teknologi dalam bidang teknikal,” katanya.

Najib berkata, kerajaan juga sudah memperuntukkan sejumlah RM20 juta melalui Bajet 2017 bagi tujuan Geran Padanan untuk program TVET berimpak tinggi serta merjenamakan semula Institusi TVET Melalui ‘TVET Malaysia’.

→ Lagi berita Ms. 20